



Pandelega (kanan) dan Jun Hoong meraih gangsa acara 10 meter platform seirama pada kejohanan Siri Dunia Terjun FINA kedua di Fuji, Jepun, semalam.

SIRI TERJUN DUNIA JEPUN

Pingat gangsa untuk negara

➔ Pandelega, Jun Hoong catat 310.32 mata di Fuji

Oleh Jumiati Rosly
jumiati@nstp.com.my

▀ Kuala Lumpur

Gandingan penerjun wanita negara, Pandelega Rinong Pang dan Cheong Jun Hoong terpaksa akur raih gangsa acara 10 me-

ter (m) platform seirama pada kejohanan Siri Dunia Terjun FINA kedua di Fuji, Jepun, semalam.

Gandingan itu sebelum ini memenangi pingat perak pada kejohanan pertama Persekutuan Renang Antarabangsa (FINA) yang berlangsung di Beijing, China pada minggu lalu.

Dalam saingan di Kolam Renang Shizuoka Prefectural Fuji itu, penerjun negara itu berjaya mengumpul 310.32 mata untuk menamatkan saingan di tempat ketiga.

Gandingan yang memenangi perak di Sukan Olimpik 2016 Rio itu bagaimanapun bermula di kedudukan kedua sehingga ter-

junan ketiga, namun penerjun Korea Utara, Kim Mi Rae-Kim Kuk Hyang berjaya memintas selepas terjunan keempat dan kelima untuk mengatasi mereka dengan perbezaan 1.26 mata.

Aksi konsisten

“Saya tetap gembira dengan pingat hari ini. Bersyukur kerana masih kekal menyumbang pingat buat negara,” kata Jun Hoong yang akan bersaing dalam acara 10m platform individu bersama Pandelega, hari ini.

Pandelega pula berkata dia gembira dengan persembahan gandingan mereka itu yang mempamerkan persembahan

yang konsisten.

Gandingan China, Zhang Jiaqi-Zhang Minjie yang turut mendominasi pada siri pertama minggu lalu, sekali lagi mempamerkan kehebatan apabila membawa pulang emas dengan mengumpul keseluruhan 335.70 mata.

Sementara itu, satu lagi gandingan negara, Leong Mun Yee-Nur Dhabitah Sabri yang beraksi semalam menduduki tempat keenam dengan mengumpul 253.14 mata dalam saingan 3m papan anjal seirama wanita. Gandingan China, Chang Yani dan Shi Tingmao merangkul pingat emas acara itu dengan keputusan 319.80 mata.